

29 AUG 1999

Sukan-Lumba (Proton)

KEPUTUSAN PROTON INTERNATIONAL AKAN DIKELUARKAN ESOK

SEPANG, 29 Ogos (Bernama) -- Keputusan rasmi lumba kereta Proton International 300km sempena hari kebangsaan yang diadakan hari ini terpaksa ditangguhkan sehingga esok kerana masalah teknikal dalam penjagaan masa.

Para penganjur juga memutuskan untuk mengumumkan keputusan perlumbaan 55 pusingan membabitkan 73 kereta itu esok untuk membolehkan pemeriksaan teknikal pada semua kereta yang menamatkan perlumbaan.

Ini dipercayai berpunca kerana bantahan daripada beberapa pasukan.

Pegawai Perlumbaan Jeffri Amin berkata, masalah teknikal dalam menjaga masa memaksa para pengajur menahan keputusan.

"Terdapat beberapa masalah pada sistem komputer. Penjagaan masa tidak berjalan dengan baik dan kita perlu memeriksanya sekali lagi," kata beliau.

Mengenai pemeriksaan teknikal pada kereta, Jeffri berkata ini bagi memastikan peserta mengikut peraturan dan tidak membuat pengubahsuaian yang tidak dibenarkan pada kereta mereka.

Di bawah peraturan, setiap kereta akan ditahan selepas perlumbaan masing-masing bagi mengambil berat dan menjalani ujian dyno.

Sementara itu, jurucakap Sirkuit Sepang Antarabangsa (SIC) berkata penjagaan masa bagi kejohanan itu di sini tidak akan digunakan dalam Grand Prix Petronas Malaysia pada Oktober.

Ini, kata beliau adalah kerana Formula One Management Limited akan membawa peralatan mereka termasuk untuk menjaga masa dalam perlumbaan itu.

Dalam perlumbaan hari ini, pemenang tidak rasmi ialah Eric Yeo Tee Eong dengan pembantunya Raymond Tan Hui Hong daripada pasukan Hi-Rev.

Zulkiflee Hassan dan pembantunya Kevin Low Chin Ooi daripada pasukan Lumba Petronas Eon menduduki tempat kedua sementara peserta persendirian Charanjit Singh dan pembantunya Chua Kim Choy di tempat ketiga.

Juara bertahan Keifli Othman dan pembantunya Zureen Zulkifli bagaimanapun menghadapi masalah dengan sistem brek dan keluar daripada perlumbaan selepas 17 pusingan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan perlumbaan hari ini.

-- BERNAMA

ERE PR